

Huawei tubuh makmal latihan



Najib memotong reben selepas pelancaran Pusat Latihan Global Huawei Malaysia di Cyberjaya.

**HUAWEI
MENUBUHKAN
MAKMAL
LATIHAN
UNIVERSITI
HUAWEI
(HTL) DI 10
UNIVERSITI
NEGARA INI"**

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharan.com.my

► Cyberjaya

Peneraju penyediaan penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) global, Huawei menu buhkan Makmal Latihan Universiti Huawei (HTL).

Makmal itu akan ditubuhkan di 10 universiti negara ini, iaitu Universiti Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Perlis, Universiti

Malaysia Sarawak, Universiti Multimedia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknikal Melaka Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Tunku Abdul Rahman.

Penubuhan kemudahan itu dibuat menerusi program MSC Malaysia MyUniAlliance - Huawei bagi menyemai minat pelajar dalam bidang teknologi ICT.

Antaranya Clouc Computing, LTE dan Saluran Jalur Lebar Tetap untuk mencapai sasaran melatih 10,000

profesional ICT di negara ini menjelang 2016.

Pusat Latihan Huawei

Selain makmal latihan, syarikat itu juga mewujudkan Pusat Latihan Huawei Malaysia Global di Cyberjaya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan pusat berkenaan baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Presiden Kanan merangkap Presiden Asia Pasifik Huawei, Wang Shengli serta Pengarah Urusan Huawei Malaysia, Dai Jingyue.

Kerjasama terbaru Huawei dan universiti tempatan itu inisiatif di bawah program MSC Malaysia MyUniAlliance yang dilaksanakan bersama-sama Perbadanan Pembangunan Multimedia.

Program itu merangkumi melatih jurulatih, kuri-kulum perisian bagi pelajar universiti, kesinambungan program Biasiswa Huawei MSC Malaysia, kem kerja untuk graduan serta pelaksanaan program pensijilan MyProCert untuk pekerja profesional.

Lonjak ekonomi

Sementara itu, Dai berkata Huawei menjalin kerjasama dengan universiti tempatan kerana dedikasi yang dipamerkan kerajaan Malaysia untuk melonjak status ekonomi yang dipacu pengetahuan dan inovasi.

"Kami berbangga kerana dapat membantu mencapai matlamat ini dengan membangunkan bakat tempatan dan menjadikan Malaysia sebagai pusat latihan ICT global bertaraf dunia.

"Dengan pelancaran Pusat Latihan Huawei Malaysia Global di Cyberjaya dan kerjasama dengan 10 universiti tempatan, kami sudah bersedia untuk meneruskan perjalanan ini," katanya.